

19/11/1997

Resolusi diserahkan kepada Washington

KUALA LUMPUR, Selasa - Usul sokongan kepada kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rasa kesal Malaysia dengan tindakan 34 anggota Kongres Amerika yang meminta Perdana Menteri meminta maaf atau meletakkan jawatan, akan diserahkan kepada kerajaan negara itu.

Usul itu, yang diputuskan oleh mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) dipengerusikan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini, akan dibawa ke Dewan Rakyat esok, untuk mendapatkan mandat Ahli Parlimen.

"Usul ini akan dibahaskan petang esok sebelum disampaikan kepada pihak terbabit dan Kerajaan Amerika," kata Anwar selepas mempengerusikan mesyuarat sejam setengah itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Seramai 34 anggota Kongres Amerika diketuai anggota Demokrat dari Florida, Robert Wexler, menulis surat kepada Dr Mahathir bertarikh 27 Oktober lalu, mendesak Perdana Menteri meminta maaf secara terbuka atau meletak jawatan kerana kononnya mengeluarkan kenyataan anti-Amerika dan anti-Yahudi.

(END)